

PRESTASI TANAMAN PADI DI MALAYSIA

(PADDY'S PERFORMANCE IN MALAYSIA)

Noorfazreen Mohd Aris ¹, Mohd Faizal P.Rameli ², Norizah Mohamed @ Haji Daud ³,
Sharipah Amirah Haji Abas ³ and Norajila Che Man ³

¹ Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Melaka

Email: noor_areen@melaka.uitm.edu.my

² Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Melaka

³ Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Melaka

Accepted date: 14 April 2018

Published date: 10 June 2018

To cite this document: Aris, N. M., P.Rameli, M. F., Mohamed, N., Abas, S. A., & Man, N. C. (2018). Prestasi Tanaman Padi Di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*. 3 (11), 51-61.

Abstrak: Tanaman padi menjadi komoditi makanan penting di Malaysia. Bagi menunjukkan keprihatinan terhadapnya, kerajaan telah melaksanakan Dasar bermula dengan Dasar Pertanian Negara Pertama (DPN1) pada tahun 1984, seterusnya tahun 1992, Dasar Pertanian Negara Kedua (DPN2), Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) pada tahun 1998, Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara (DJBM) pada 2008 dan 2011 hingga kini, Dasar Agromakanan Negara (DAN). Ketidacukupan makanan utama ini akan menyebabkan kekurangan makanan dalam negara sehingga memerlukan negara mengimport dari negara luar. Kajian ini menumpukan kepada pengeluaran padi dalam tempoh dasar-dasar tersebut dijalankan iaitu 1984-2015. Kajian kualitatif ini dilaksanakan menggunakan pendekatan kajian perpustakaan untuk mengumpul data. Beberapa bahan perpustakaan telah digunakan sebagai rujukan termasuk Rancangan Malaysia Kelima hingga kesebelas, DPN1-3 dan Laporan Ekonomi. Kaedah analisis kandungan telah digunakan untuk menganalisis data. Hasil kajian mendapati perkembangan tanaman padi menunjukkan peningkatan tetapi masih belum mencukupi untuk keperluan negara dan kebergantungan kepada import.

Kata Kunci: Dasar Pertanian Negara, komoditi makanan, ketidacukupan.

Abstract: Paddy is an important food commodity in Malaysia. In order to materialize government's attention on this matter, some policies have been constructed. Starting off with First National Agricultural Policy (NAP1) in 1984, it is then followed by Second National Agricultural Policy (NAP2) in 1992, Third National Agricultural Policy (NAP3) in 1998 and National Food Security Policy (NFSP) in 2008 as well as National Agrofood Policy (NAP) which has been implemented from 2011 until present. Insufficiency of this main food source will result in food deprivation throughout the country, leading to the need of importation. In relation to that, this research focused on the statistic of paddy production within the policies' implementation period from 1984 until 2015. This qualitative research uses library research

approach to collect data which involves a lot of materials including the 5th-11th Malaysia Plan, DPN1 until DPN3 and economy reports. Data collected were analysed via content analysis method. From the data, research finds that the development of paddy agricultural sector is on rise but still inadequate to support nation's need and its dependability on importation.

Keywords: *National Agriculture Policy, Food commodity, food deprivation.*

Pendahuluan

Malaysia telah memberi tumpuan terhadap pembangunan sektor pertanian sejak dari dulu hingga kini untuk menjamin kecukupan makanan terutamanya terhadap tanaman padi sebagai makanan utama. Kesedaran kepada jaminan ini berpunca daripada beberapa faktor. Faktor utama ialah kos pengeluaran yang semakin meningkat, harga import makanan yang tinggi dan paling ketara ialah masalah kekurangan makanan yang menular seluruh dunia. Seterusnya, kenaikan harga minyak, pertambahan penduduk dan perubahan cuaca yang berlaku dengan ketara yang mengakibatkan harga makanan ruji sedunia meningkat tinggi (Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan, 2007). Di samping itu, masalah penyakit tumbuhan dan serangan serangga serta krisis alam sekitar juga mengganggu pengeluaran makanan di kebanyakan negara di dunia (Nur Badriyah Kamarulzaman et. al., 2013)

Kebimbangan terhadap kestabilan bekalan makanan memerlukan Malaysia memperkukuhkan keupayaannya dalam pengeluaran makanan utama. Kesemua cabaran ini memerlukan pendekatan dan dasar strategik baru untuk meningkatkan pertumbuhan bidang pertanian dan sumbangannya kepada ekonomi negara (Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan, 2007). Penekanan terhadap sekuriti makanan ini telah menjadi asas yang kuat dalam penggubalan dasar pertanian dan makanan di Malaysia (Muhyiddin Yasin, 2005). Kajian ini akan menumpukan kepada tanaman makanan utama iaitu padi yang merupakan makanan ruji masyarakat Malaysia.

Perlaksanaan Dasar Pertanian di Malaysia dari Tahun 1984-2020

Selepas negara mencapai kemerdekaan, kerajaan telah melancarkan dasar khusus mengenai sektor pertanian, iaitu Dasar Pertanian Negara Pertama (DPN1) pada tahun 1984. Antara objektif khusus DPN1 adalah untuk memastikan sekuriti bahan makanan yang terdiri daripada ternakan, ikan, tenusu dan sayur-sayuran (Kementerian Pertanian Malaysia dan Industri Asas Tani, 1985). Seterusnya, kerajaan telah melancarkan Dasar Pertanian Negara Kedua (DPN2) pada tahun 1992 dan berakhir hingga tahun 2010. Dasar ini dianggap sebagai Dasar Sekuriti Makanan yang turut menggabungkan falsafah dan haluan pembangunan baru seperti yang terkandung dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua dan Wawasan 2020 (Kementerian Pertanian Malaysia dan Industri Asas Tani, 1993).

Kemudian, dalam tahun 1998, kerajaan melancarkan Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) untuk tempoh 1998 hingga 2010. Ia digubal untuk mengatasi masalah yang melanda sekuriti makanan dalam negara iaitu dengan bekalan makanan yang kurang mencukupi, kurang selamat, kurang berkhasiat serta kurang bermutu tinggi dan untuk menjamin keperluan makanan dapat diperolehi dengan harga yang berpatutan (Kementerian Pertanian Malaysia dan Industri Asas Tani, 2009).

Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara (DJBM) pula telah digubal oleh kerajaan pada 2 Mei 2008 atas kesedaran mengenai jaminan makanan semakin ditekankan akibat dari krisis makanan dunia. Dasar ini telah diluluskan bagi menunjukkan reaksi terhadap kebimbangan kerajaan mengenai masa depan sektor pertanian yang menjadi jaminan sekuriti makanan kepada penduduk (Kementerian Pertanian Malaysia dan Industri Asas Tani, 2009). Sehingga kini, Dasar Agromakanan Negara (DAN) untuk tempoh 2011-2020. Kesemua dasar ini dilaksanakan dibawah Rancangan Malaysia Kelima (RMK5) hingga Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) (Unit Perancang Ekonomi, 2010).



Rajah 1: Dasar Sekuriti Makanan di Malaysia dari Tahun 1984 hingga 2020

Dasar Komoditi Tanaman Padi Dalam Rancangan Malaysia Kelima Hingga Kesebelas

Rancangan Malaysia merupakan strategi pembangunan negara merangkumi perancangan Dasar Pertanian Negara (DPN). Ia digubal setiap lima tahun sekali bagi merealisasikan dan melaksanakan program yang telah digariskan dalam DPN. Program perancangan untuk komoditi makanan dalam DPN1 sehingga DAN telah bermula dari Rancangan Malaysia Kelima (RMK5) hingga Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) (Unit Perancang Ekonomi, 1986; 1991; 1996; 2001; 2006; 2010; 2015). Padi merupakan komoditi Makanan utama negara dan diberikan tumpuan khusus dalam RMK.

Padi/Beras

Pengeluaran beras merupakan perkara utama dalam Dasar Pertanian Negara kerana ia merupakan makanan asasi penduduk di Malaysia. Penentuan peratus pengeluaran beras di

dalam negara dipengaruhi oleh keperluan makanan negara tersebut. Kos pengeluaran beras yang tinggi di negara ini adalah tidak ekonomik jika negara mengeluarkan 100% daripada keperluannya kerana negara merupakan pengeluar beras kos tinggi.

Dalam Jadual 1, strategi utama yang dijalankan dari RMK5 hingga RMK11 terhadap tanaman padi adalah dengan menumpukan tanaman di kawasan jelapang padi utama iaitu di Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Kemubu, Besut, Barat Laut Selangor, Krian-Sungai Manik, Seberang Perak, Kemasin-Semerak dan Seberang Prai. Manakala, pengeluaran padi di luar kawasan jelapang padi akan dikurangkan secara berperingkat-peringkat dan diganti dengan tanaman-tanaman lain yang lebih menguntungkan (Unit Perancang Ekonomi, 1986; 1991; 1996; 2001; 2006; 2010; 2015). Dalam tempoh RMK10, strategi bagi memastikan bekalan beras yang cukup termasuk mengekalkan stok simpanan beras pada paras 292,000 tan metrik atau mampu menampung keperluan selama 45 hari dengan cara meningkatkan produktiviti di kawasan jelapang padi serta luar jelapang sedia ada melalui naik taraf infrastruktur. Kawasan baru tanaman padi tidak akan dibangunkan dan pengeluaran beras tempatan ditetapkan pada kadar 70% tahap sara diri (Unit Perancang Ekonomi, 2010).

Bagi meningkat pengeluaran beras, kerajaan turut menyediakan tanah-tanah baru dan meningkatkan kemudahan parit dan tali air di kawasan tanaman padi. Pembaikan amalan pengurusan yang sedia ada untuk penanaman dua kali setahun, penanaman secara berkelompok, penggunaan benih yang berhasil tinggi sebagai contoh, pada tahun 2013, satu benih padi aerob (MRIA1) baharu telah dilancarkan. Varieti padi aerob ini akan meningkatkan pengeluaran padi dan pada masa yang sama mengadaptasi kepada perubahan iklim. Selain itu juga penggunaan amalan pertanian moden yang disokong oleh pengukuhan inovasi serta penyelidikan turut diberi penekanan dalam tempoh rancangan (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, 1985; 1993; 2010) (Unit Perancang Ekonomi, 1996; 2001; 2006; 2010; 2015)

Jadual 1: Strategi Utama Tanaman Padi dalam Rancangan Malaysia

Strategi	RMK5	RMK6	RMK7	RMK8	RMK9	RMK10	RMK11
Tumpuan tanaman di kawasan jelapang padi	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Tanaman di luar kawasan jelapang padi akan dikurangkan secara berperingkat-peringkat.	✓	✓	✓	✓	✓	✓	
Pembukaan tanah baru				✓			
Menyediakan kemudahan perparitan	✓		✓	✓		✓	✓
Pemberian subsidi input dan harga sokongan.		✓	✓				✓
Penggunaan benih berkualiti tinggi			✓	✓		✓	✓
Penanaman secara komersial			✓	✓			
Penggalakan perladangan berkelompok		✓	✓				✓

Penggunaan teknologi baru/amalan pertanian moden	✓	✓	✓	✓
--	---	---	---	---

Pesawah padi digalak melibatkan diri dalam aktiviti pemprosesan makanan dari keluaran beras	✓
---	---

Sumber: Rancangan Malaysia Kelima hingga Rancangan Malaysia Kesebelas


Pencapaian Pengeluaran Tanaman Padi

Merujuk pada Jadual 2, Carta 1 dan Jadual 4, tahap pengeluaran keseluruhan bagi tanaman padi mencatatkan peningkatan yang memberangsangkan sepanjang tempoh dasar.

Jadual 2: Pengeluaran Tanaman Padi di Malaysia (1980-2015)

	Tan Metrik (Juta)							
	1980	1985	1990	1995	2000	2005	2010	2015
Padi	2040	1,953	2,016.3	2,127	2,141	2,400	2,464	2741

Sumber: Rancangan Malaysia Keempat Hingga Kesembilan & Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA).



Carta 1: Pengeluaran Padi di Malaysia (1980-2015)

Jadual 2: Prestasi Pengeluaran Padi dari DPN1 hingga DJBM

Padi	DPN1	DPN2	DPN3	DJBM	Catatan
	×	/	/	/	3/4

/	Meningkat	×	Menurun
---	-----------	---	---------

Tanaman padi merupakan tanaman makanan utama di Malaysia (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, 2008). Tahap pengeluaran bagi tanaman padi dari tempoh DPN1 hingga DJBM menunjukkan pengeluaran padi meningkat dari 2,040 tan pada tahun 1980 kepada 2741 tan pada 2015 walaupun mengalami sedikit penurunan sekitar tahun 1985. Kemerostan ini sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh keadaan cuaca buruk, serangga perosak dan wabak penyakit terutamanya Penyakit Merah Virus. Selain itu, tingkat hasil dan kepadatan

tanaman yang tidak stabil termasuk di kawasan-kawasan jelapang padi utama, serta meningkatnya keluasan tanah sawah terbiar.


Antara langkah yang telah dilaksanakan oleh kerajaan adalah dengan memulihkan kumpulan petak-petak yang berdekatan di kawasan tanah terbiar melalui beberapa bentuk perladangan berkelompok dan estet padi di kawasan-kawasan pengairan di Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Perak dan Pulau Pinang (Unit Perancang Ekonomi, 1986). Manakala tahun 2015 mencatatkan peningkatan yang memberangsangkan berbanding 2010 antaranya kesan daripada penggunaan benih padi yang berkualiti dan tahan penyakit serta amalan pertanian moden (Unit Perancang Ekonomi, 2015). Dalam tahun 2015, 681,559 hektar ditanam dengan padi, termasuk padi yang ditanam dua kali setahun (Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia, 2016).

Dalam tempoh 1995 hingga 2015, pengeluaran padi telah meningkat pada kadar purata 2.3% setahun disebabkan pada tempoh tersebut projek penyatuan sawah padi yang bersaiz kecil diteruskan melalui konsep pertanian secara berkelompok di lapan kawasan jelapang padi serta pelaksanaan Projek Sepuluh Tan Sehektar telah membolehkan penggunaan Amalan Pertanian Baik (GAP) yang lebih meluas dan pengurusan ladang yang lebih baik serta penggunaan jentera sepenuhnya (EPU, 2006). Jadual 3 dan Carta 2 menunjukkan kadar pertumbuhan purata tahunan hasil tanaman padi dari tempoh RMK5 hingga RMK10.

Jadual 3: Kadar Pertumbuhan Purata Tahunan Hasil Tanaman Padi (Peratus %)

	Matlamat	Pencapaian
Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990)	-	-4.0
Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995)	1.4	2.1
Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000)	0.9	0.6
Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005)	2.7	2.3
Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010)	5.9	1.9

Sumber: Rancangan Malaysia Kelima hingga Kesepuluh.




Carta 2: Kadar Pertumbuhan Tahunan Hasil Tanaman Padi (Peratus)

Tahap Sara Diri Beras

Kecukupan bekalan makanan bergantung kepada pencapaian tahap sara diri (SSL). Tahap sara diri yang rendah kurang daripada 100 peratus menunjukkan pengeluaran dalam negara tidak dapat memenuhi keperluan penggunaan domestik. Jadual 4 dan Carta 3 menunjukkan tahap sara diri tanaman padi di Malaysia menunjukkan penurunan dari tahun 1980 sebanyak 98 peratus iaitu sebelum DPN1 dilaksanakan sehingga 2015 sebanyak 71.5 peratus. Jumlah bekalan yang tidak mencukupi terpaksa diimport dari luar untuk memenuhi keperluan dalam negara. Subsektor agromakanan akan diberikan tumpuan bagi memastikan sasaran tahap sara diri komoditi makanan dapat dicapai pada tahun 2020 iaitu sasaran tahap sara diri beras ditetapkan pada 100% dalam Dasar Agromakanan Negara (Unit Perancang Ekonomi, 2015).

Jadual 4: Tahap Sara Diri Beras di Malaysia (1980-2015)

	1980	1985	1990	1995	2000	2005	2010	2015
Beras	98	85	80	76.3	71	72	71	71.5




Carta 3: Tahap Sara Diri Beras di Malaysia

Import dan Eksport Beras

Bagi perkembangan industri beras pula dapat dilihat dalam Jadual 5 dan Carta 4, jumlah import dan eksport padi menunjukkan peningkatan yang ketara bermula dari 1995 sehingga 2005. Tapi walaubagaimanapun jumlah import padi adalah lebih tinggi daripada eksport. Padi diimport setiap tahun terutamanya dari negara Thailand, China, Vietnam dan Pakistan untuk memenuhi keperluan tempatan yang tidak mencukupi.

Jadual 5: Jumlah Import dan Eksport Beras di Malaysia (1980-2010)


	1980	1985	1990	1995	2000	2005	2010
Eksport	1	31	3	9	23	41	31
Import	175	256	349	452	637	634	256



Carta 4 : Jumlah Import dan Eksport Beras

Penawaran dan Penggunaan Beras

Carta 5 menunjukkan jumlah penawaran dan penggunaan beras per kapita setahun. Bermula pada tahun 1985, jumlah penawaran beras adalah tinggi dan mencukupi menampung keperluan penggunaan tempatan. Tetapi pada tahun 1990, jumlah tersebut menurun kepada 83 kg dan tidak dapat memenuhi keseluruhan penggunaan iaitu 90 kg. Penggunaan beras dijangka meningkat daripada 2.30 juta tan metrik pada tahun 2010 kepada 2.69 juta tan metrik pada tahun 2020 iaitu pertumbuhan sebanyak 1.6% setahun disebabkan oleh pertambahan penduduk. Lihat Carta 6, unjuran penggunaan beras tahun 2010. Menjelang 2020, populasi negara dianggarkan 35 juta. Ini menunjukkan keperluan beras yang semakin meningkat pada masa akan datang. Perubahan diet juga mempengaruhi kadar penggunaan per kapita beras dalam tempoh kebelakangan ini (Tapsir, 2017).



Carta 5 : Jumlah Penawaran dan Penggunaan Beras Per Kapita (Tahun)



Carta 6: Pencapaian dan Unjuran Penggunaan Beras, 2000 - 2020 (Juta Tan Metrik)

Analisis Prestasi Tanaman Padi

Sepanjang tempoh DPN1 sehingga DAN, prestasi pengeluaran tanaman padi menunjukkan peningkatan walaupun terdapat sedikit penurunan dalam tahun-tahun tertentu. Kadar penurunan yang ditunjukkan ini masih menunjukkan pengeluaran beras negara masih stabil. DPN yang telah dijalankan masih belum berkesan untuk memastikan jaminan sekuriti makanan bagi beras kerana beras merupakan sumber makanan utama di Malaysia. Untuk menampung sumber beras yang tidak mencukupi dalam negara, import terpaksa dilakukan dari negara luar.

Namun, tidak dinafikan kerajaan telah melaksanakan berbagai-bagai langkah untuk mengatasi kos pengeluaran padi yang tinggi dengan memberikan subsidi seperti benih dan baja. Selain itu kerajaan sentiasa berusaha memperbaiki sistem pengairan dan saliran untuk tanaman padi, penggunaan jentera, penyatuan sawah-sawah kecil dan sebagainya. Sepertimana program yang dijalankan pada tempoh DPN1 sehingga DAN, penggunaan input buruh telah berkurang kerana penggunaan jentera sepenuhnya di hampir keseluruhan kerja di ladang dalam kawasan utama tanaman padi dan seterusnya ia dapat mengurangkan lagi kos pengeluaran. Namun jumlah kecukupan pengeluaran beras masih belum dapat dicapai.

Jika dilihat dari segi ekonomi, mengimport beras adalah lebih menguntungkan jika mengeluarkan beras sendiri dalam negara kerana Malaysia merupakan negara kos pengeluar yang tinggi dan dengan itu tidak mempunyai faedah berbanding dengan pengeluaran beras jika dibandingkan dengan negara Thailand. Tetapi, untuk mencapai matlamat jaminan makanan dalam negara, Malaysia perlu memenuhi matlamat pengeluaran beras serta matlamat penggunaan secukupnya. Kerajaan perlu menambahbaik amalan teknologi pengeluaran padi negara bagi meningkatkan produktiviti padi. Insentif dan subsidi kerajaan hendaklah dikekalkan bagi kelestarian pengeluaran padi. Di samping itu, terdapat cabaran yang perlu ditangani oleh kerajaan bagi meningkatkan pengeluaran beras seperti keluasan tanah sawah yang terhad, pertukaran tanah sawah kepada komoditi lain, pembangunan kawasan untuk tujuan komersil dan peningkatan kos pengeluaran.

Kesimpulan

Sektor pertanian yang secara tradisi menjadi tulang belakang ekonomi negara sedang mengalami proses transformasi melalui pengecilan dan penurunan dalam saiz dan sumbangan sektor tersebut terhadap KDNK, pendapatan eksport dan ekonomi keseluruhannya. Terdapat tiga DPN, Dasar Jaminan Bekalan Makanan (DJBM) seterusnya DAN telah dijalankan bermula 1984 sehingga sekarang. Ini bermakna sektor pertanian telah melalui proses transformasi bagi menggiatkan semula sektor pertanian yang telah ditinggalkan.

Dasar yang dijalankan ini adalah sebagai usaha kerajaan untuk meningkatkan pertumbuhan dalam sektor pertanian. Kerajaan telah memberi banyak perhatian dalam memajukan sektor ini ke arah mempertingkatkan pembangunannya terutamanya dalam menjamin bekalan makanan mencukupi atau sekuriti makanan. Selepas mencapai kemerdekaan, berbagai-bagai langkah diambil termasuk mewujudkan Kementerian Pertanian serta berbagai-bagai agensi yang dipertanggungjawabkan untuk membantu golongan petani yang sering berhadapan dengan masalah. Berbagai-bagai program telah dilaksanakan demi memulihkan sektor pertanian di samping mewujudkan rantaian antara sektor pertanian dengan sektor lain.

Rujukan

- Ahmad Mahdzan Ayob. (1997). *Pembangunan Pertanian: Ekonomi, Dasar dan Bukti Empirik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Food and Agriculture Organization of The United Nation. <http://faostat.fao.org/site/502/DesktopDefault.aspx?PageID=502>. 20 Disember 2017.
- Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia. (2015). *Perangkaan Padi Malaysia 2014*. Malaysia: Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia.
- Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia. (2016). *Perangkaan Padi Malaysia 2015*. http://www.doa.gov.my/index/resources/aktiviti_sumber/sumber_awam/maklumat_pertanian/perangkaan_tanaman/perangkaan_padi_2015.pdf. 21 Mac 2018.
- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA). (2008). *Perangkaan Pertanian 2008*. Putrajaya: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.
- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, “Dasar Jaminan Makanan Nasional (2008-2010)”, http://www.agribdc.gov.my/food?p_p_id=56_INSTANCE_z5du&p_p_lifecycle=0&p_p_state=normal&p_p_mode=view&p_p_col_id=column-3&p_p_col_count=1&page=1. 20 Disember 2017.
- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, “Dasar Pertanian Negara Ketiga”, <http://www.moa.gov.my/dpn>. 21 Mac 2018.
- Kementerian Pertanian Malaysia. (1985). *Dasar Pertanian Negara*. Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian Malaysia.
- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia (MOA). (2011). *Dasar Agromakanan Negara 2011-2020*. Putrajaya: Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa, MOA
- Kementerian Pertanian Malaysia. (1993). *Dasar Pertanian Negara (1992-2010)*. Kuala Lumpur: Unit Penerbitan Kementerian Pertanian Malaysia.
- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA). (2008). *Perangkaan Pertanian 2008*. Putrajaya: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.
- Kementerian Kewangan Malaysia. (2009). *Laporan Ekonomi 2009/2010*. Putrajaya : Kementerian Kewangan Malaysia.

- Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan. “Laporan Tahunan SME 2007”,
[Http://www.bnm.gov.my/files/publication/sme/bm/2007/bab-8.pdf](http://www.bnm.gov.my/files/publication/sme/bm/2007/bab-8.pdf). 1 Ogos 2009.
- Ministry of Agriculture Malaysia. (1999). Third National Agricultural Policy (1998-2010).
 Kuala Lumpur : Ministry of Agriculture Malaysia.
- Muhyiddin Yasin. “Ucapan Oleh YB Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani Malaysia”,
 (Seminar Pelan Imbangan Dagangan dan Forum Tekno-Biz Sempena dengan Showcase
 Biobisnes Mardi 2005 di Marriot Hotel Putrajaya, Kuala Lumpur pada 1-2 Ogos 2005),
<http://banktani.tripod.com/dagangan.htm>. 22 Februari 2017.
- Nur Badriyah Kamarul Zaman. et.al. (2013). Pengukuran Produktiviti Padi: Kajian terhadap
 Inovasi SRI. Kedah.Universiti Utara Malaysia.Prosiding Perkim viii, Jilid 3.
 :http://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemVIII/PKEM2013_4F2.pdf. 20 Januari
 2018
- Tapsir Sirin. (2017). Senario Ekonomi Pengeluaran Padi di Malaysia.)Persidangan Padi
 Kebangsaan DorsettGrand, Subang, Selangor pada 26-28 September 2017 Anjuran
 Mardi).
[http://padi.mardi.gov.my/dokumen/slide/L3%20Senario%20Ekonomi%20Pengeluaran%20Padi%20di%20Malaysia%20Tapsir%20Serin%20\(MARDI\).pdf](http://padi.mardi.gov.my/dokumen/slide/L3%20Senario%20Ekonomi%20Pengeluaran%20Padi%20di%20Malaysia%20Tapsir%20Serin%20(MARDI).pdf). 28 Mac 2018.
- Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU). (1986). Rancangan Malaysia
 Kelima (1986-1990). Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU). (1991). Rancangan Malaysia
 Keenam (1991-1995). Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU). (1996). Rancangan Malaysia
 Ketujuh (1996-2000). Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU). (2001). Rancangan Malaysia
 Kelapan (2001-2005). Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi.
- Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU). (2006). Rancangan Malaysia
 Kesembilan (2006-2010). Unit Perancang Ekonomi.
- Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU). 2010. Rancangan Malaysia
 Kesepuluh (2011-2015), Putrajaya: EPU, Jabatan Ketua Menteri.
[http://www.pmo.gov.my/dokumenattached/RMK/RMK10 Mds.pdf](http://www.pmo.gov.my/dokumenattached/RMK/RMK10%20Mds.pdf)
- Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU). (2015). Rancangan Malaysia
 Kesebelas (2016-2020). Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi.